



SELAIN membangunkan pelbagai spesies tanaman baru, UPM juga melatih para usahawan tani.



PENGENALAN mesin berteknologi moden untuk kerja-kerja perladangan di negara ini merupakan antara inisiatif yang dilaksanakan oleh UPM.

UPM

terus perkasakan pertanian negara

OLEH LIZAWATI BAHANAN dan
HUFADATUL AZFA SAFFIE

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) tidak pernah mengabaikan fungsi asal penubuhannya iaitu menerajui pembangunan sektor pertanian negara walaupun pada satu ketika ia turut memberi tumpuan terhadap bidang-bidang lain.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, UPM sentiasa bersedia memikul tanggungjawab untuk terus memperkasakan sektor berkenaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"UPM tidak pernah tinggalkan pertanian, cuma ketika itu banyak bidang baru yang kita ceburi dan ia dirasakan betul kerana ketika itu keutamaan turut ditumpu pada bidang lain seperti teknologi maklumat (IT)," kata Nik Mustapha dalam satu wawancara dengan *Berita*

Menurutnya di sebalik pembabitan dalam bidang lain, UPM yang ditubuhkan pada 1931 telah mendahului institusi-institusi pengajian tinggi awam lain dalam meneroka bidang baru dalam pertanian seperti bioteknologi dan penghasilan vaksin.

Mengimbas sejarah, Nik Mustapha berkata, komitmen UPM dalam bidang pertanian bermula pada tahun 1971 melalui penggabungan antara Kolej Pertanian Malaya, UPM dan Fakulti Pertanian Universiti Malaya.

Sinergi

Bermula dengan hanya tiga fakulti iaitu Pertanian, Perhutanan dan Kedokteran Veterinar dan Sains Penteranakan, pembabitan UPM terus berkembang sehingga merangkumi bidang kejuruteraan, perubatan, sains tulen, ekonomi, pengurusan, pendidikan, bahasa dan komunikasi.

Beliau berkata, bidang-bidang itu menjadi daya sinergi dan pelengkap kepada bidang tumpuan UPM iaitu AgroBio meliputi pertanian dan sains yang berkaitan.



PROF. DR. NIK MUSTAPHA
RAJA ABDULLAH

Nik Mustapha berkata, kewujudan teknologi yang semakin canggih, khususnya yang berkaitan dengan pertanian, menuntut pihaknya memperhebatkan lagi penyelidikan untuk menghasilkan sesuatu penemuan baru.

Selain mempunyai kawasan seluas 8.8 hektar di sekitar Serdang yang merangkumi fakulti dan ladang, UPM juga memiliki ladang sendiri seluas 160 hektar di Puchong.

Segala aktiviti penyelidikan berkaitan sains pertanian, bioperubatan, kejuruteraan, ekonomi dan teknologi dijalankan sama ada di makmal fakulti tertentu atau di ladang-ladang berkenaan.

"Ladang di Puchong itu akan dijadikan pusat inkubator pertanian untuk mengeluarkan usahawan-usahawan pertanian.

"Ia merupakan sebahagian daripada rancangan jangka pendek UPM untuk menyahut seruan kerajaan dalam memajukan bidang pertanian," katanya.

Beliau berkata, peserta yang akan mengikuti program latihan di pusat inkubator itu terdiri daripada bekas graduan yang berminat menceburi bidang pertanian. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan keputusan akademik.

"Antara program latihan yang ho



BIOTEKNOLOGI pertanian merupakan bidang yang telah diceburi oleh saintis UPM bagi membawa nilai tambah kepada aktiviti sains pertanian di negara ini.

leh diikuti oleh peserta di pusat inkubator itu ialah ternakan ikan, lembu dan ayam serta pelbagai jenis pertanian, mengikut minat masing-masing," katanya.

Nik Mustapha berkata, antara rancangan jangka panjang UPM ialah mengimbangi bilangan pelajar lelaki dan perempuan kepada nisbah 1:1 agar lebih ramai pelajar lelaki dapat digalakkan menceburi bidang pertanian yang memerlukan kekuatan daya tahan.

"Ini bukan bermakna kami mendiskriminasi pelajar perempuan, tetapi sudah ternyata golongan ini mempunyai jumlah yang begitu ramai, bukan sahaja di UPM, malah di institusi-institusi pengajian yang lain.

"Sifat semula jadi pertanian memerlukan lebih ramai pengusaha daripada kalangan lelaki kerana ia merupakan pekerjaan yang lasak dan berat," katanya.

Beliau berkata, UPM juga berhasrat mengimbangi kadar nisbah antara pelajar Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang penyelidikan pertanian.

Secara keseluruhannya, UPM kini mempunyai 20 ribu pelajar Sarjana Muda berbanding hanya 5,000 pelajar Sarjana.

"Sebagai sebuah universiti penyelidikan, kita mesti bergerak ke arah itu, dan kita memerlukan lebih ramai pelajar sarjana bagi memartabatkan penyelidikan," katanya.



Menurutnya, keunggu-
lan UPM dalam bidang
penyelidikan pertanian
memberi satu gambaran
bahawa sektor pertanian
bukan lagi satu sektor
yang boleh dikaitkan de-
ngan kemiskinan, malah
satu kerjaya yang mumpu-
nyai masa depan yang ge-
milang.

Beliau berharap dengan
penubuhan pusat inovasi
dan komersial (Pusat Ino-
vasi dan Pengkomer-
sialian-ICC) di UPM, hasil
penyelidikan pertanian
yang dilakukan di makmal
dapat dipasarkan dan di-
panjangkan kepada masya-
rakat tani untuk manfaat
bersama.

"Kita boleh gerakan
pertanian ke tahap yang
lebih tinggi, berteraskan
sains dan teknologi. De-
ngan adanya ICC, diharap-
kan lebih banyak produk
yang dihasilkan mendapat
promosi dan terjual," ka-
tanya.

Kesimpulannya, wa-
laupun persaingan dalam
dunia pendidikan kian luas
dengan merangkumi pel-
bagai bidang ilmu, UPM
tetap mempertahankan
fungsi tradisinya sebagai
peneraju sektor pertanian
modern negara.

UPM telah mencipta pelbagai peralatan terkini untuk
memudahkan kerja petani.

Terminal makanan di Kota Bharu

PEMILIHAN Kota Bharu sebagai terminal makanan negara oleh kerajaan patut membanggakan rakyat Kelantan, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Katanya, dengan menjadi pusat pengeluaran makanan bermakna setiap hasil yang diusahakan rakyat Kelantan dapat dipasarkan dengan berkesan ke seluruh negara, katanya.

"Kalau sebelum ini kita menghadapi masalah pasaran tetapi selepas ini masalah itu tidak akan berlaku lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan bantuan FAMA kepada 607 petani di Jeli baru-baru ini.

Kota Bharu dan Ipoh telah dipilih untuk pembinaan Terminal Makanan Negara (Teman) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi membantu meningkatkan kualiti pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian negara.

Pengarah FAMA Kelantan, Basri Jasmo berkata, tahun lepas sebanyak RM430,000 hasil petani Jeli dibeli oleh agensi itu dan dipasarkan ke seluruh negara. — Bernama



Ladang kenaf untuk makanan ternakan

SABAH kini bersedia menjadi negeri pertama di negara ini mengkomersialkan pengeluaran makanan haiwan berasaskan tumbuhan kenaf bagi kegunaan haiwan ruminan, ayam dan itik jika perkongsian bijak antara Harusmas Agro Sdn. Bhd. dan Marditech Sdn. Bhd. dilaksanakan.

Pengarah Urusan Harusmas, Abd. Rahman Khan berkata, projek kenaf itu akan dilaksanakan di Kanibongan, Pitas, di bahagian utara Sabah.

"Fasa pertama yang mungkin bermula pada September ini akan merupakan pembangunan ladang kenaf seluas 200 hektar (500 ekar) bagi pengeluaran bahan makanan.

"Sebuah kemudahan pemprosesan bernilai RM4 juta akan dibina dengan kapasiti pengeluaran lapan hingga 12 tan sehari. Produk makanan haiwan kenaf adalah bagi pasaran domestik dan antarabangsa," katanya.

Abd. Rahman berkata, Harusmas akan memulakan fasa kedua projek itu dengan pembangunan kawasan 800 hektar (2,000 ekar) bagi pengeluaran serat dalam suku tahun ketiga 2007.

"Satu kemudahan pemprosesan serat RM3 juta akan dibina untuk mengeluarkan serat berkualiti tinggi bagi aplikasi perindustrian manakala fasa ketiga dan keempat akan dilaksanakan untuk membina kilang pengeluaran serat komposit berteknologi tinggi," katanya.

Abd. Rahman berkata, potensi pasaran makanan haiwan kenaf bagi ternakan tenusu Malaysia dianggarkan sebanyak 45,000 tan metrik setahun dan pasarannya boleh dikembangkan lagi makanan lembu daging, kuda dan haiwan ruminan. — Bernama

